







[General](#)

UMP Iktiraf Warga Kerja Cemerlang dan Berinovasi

1 August 2018

Kuantan, 31 Julai- Seramai 144 staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima Anugerah Khidmat Cemerlang (APC) sempena Majlis Hari Kualiti dan Inovasi sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan dalam membuktikan tahap pencapaian yang cemerlang melalui pembudayaan kualiti dan inovasi yang menjadi penggerak utama ke arah kecemerlangan organisasi. Majlis penyampaian anugerah disempurnakan Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato Sri Ibrahim Ahmad yang turut dihadiri Naib Canselor UMP, Prof Dato Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Ketua Pegawai Operasi merangkap Pendaftar UMP, Abd. Hamid Majid. Bertemakan “Kualiti dan Inovasi Memacu

Kegemilangan” Sambutan Hari Kualiti & Inovasi ini bukan sahaja signifikan sebagai medan pengiktirafan kepada warga kerja dan pusat tanggungjawab yang cemerlang, tetapi juga satu bentuk motivasi yang menginspirasi semangat warga UMP lain untuk mengekalkan momentum kecemerlangan universiti.

Menurut Dato Sri Ibrahim, pelbagai inisiatif sedang diperkenalkan oleh pihak pengurusan bagi merangsang produktiviti dan prestasi warga kerja di Universiti ini termasuklah Pay For Performance dalam kerangka pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020. Beliau juga berbangga dengan pencapaian UMP yang berada di landasan terbaik apabila menerima pengiktirafan antarabangsa dengan pencapaian penarafan lima bintang keseluruhan terbaik tahun ini berdasarkan Sistem Penilaian Quacquarelli Symonds (QS) Stars Rating 2018 baru-baru ini.

"Lebih membanggakan pencapaian lima bintang ini menjadikan UMP satu-satunya universiti teknikal di Malaysia yang mengungguli pencapaian cemerlang di negara ini bersama lima universiti penyelidikan (RU) iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM)," katanya semasa menyampaikan ucapan perasmian di UMP kampus Gambang.

Dalam masa yang sama UMP turut meraikan kejayaan warga kerja UMP dalam Anugerah Kecemerlangan Industri & Masyarakat (AKIM) bagi Anugerah Kualiti Kerjasama Industri (Akademik) dimenangi Dr. Noormazlinah Ahmad dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dan Prof. Madya Dr. Saiful Nizam Tajuddin dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI). Anugerah Kualiti Kerjasama Industri (Bukan Akademik) dimenangi Zainal Bahri dari UMP Advanced dan Anugerah Kualiti Kerjasama Masyarakat (Akademik) diterima Dr. Nurul Hazlina Nordin dan Dr. Saifful Kamaluddin Muzakir@ Lokman dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI). Manakala Anugerah Rakan Industri Terbaik adalah Motorola Solutions (M) Sdn Bhd yang dihadiri Pengarah Urusannya, Solomon Lorthu.

Kerjasama strategik bersama Motorola Solution (M) Sdn. Bhd. mula terjalin sejak tahun 2014 lagi program Internship pelajar di bawah kluster teknologi maklumat (ICT) apabila seramai 145 pelajar telah mengikuti latihan industri di Motorola. Malahan kerjasama ini diperkukuhkan lagi dengan pelantikan Dr. Hari Narayanan yang merupakan mantan Pengarah Urusan Motorola Solution (M) Sdn. Bhd.) pada tahun 2015 sebagai salah seorang [CEO@Faculty](#) yang ditindikkan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik. Melalui kerjasama ini juga pelbagai inisiatif telah dilaksanakan merangkumi pengajaran dan pembelajaran, fasiliti penyelidikan, sumbangan tanggungjawab sosial korporat, penglibatan pakar dari Motorola sert STEM Outreach. Antara inisiatif yang masih dilaksanakan adalah projek MWICOM yang telah memberi impak kepada pelajar dan staf akademik UMP melalui program perantisan, penempatan staf dan pelajar serta sumbangan peralatan fasiliti makmal kepada fakulti.

Manakala Anugerah Kualiti Naib Canselor dinobatkan kepada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) setelah berupaya meletakkan fakulti dalam Subjek QS Ranking: satu-satunya subjek di UMP yang tersenarai di peringkat global. Fakulti ini juga berjaya meningkatkan visibility UMP ke peringkat global melalui kerjasama dengan universiti-universiti luar negara. Dengan mempunyai kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi dan melebihi sasaran yang ditetapkan di peringkat kebangsaan, FKM juga berjaya merintis usaha dan memenuhi kehendak industri semasa melalui program PLKI ECRL dan memenuhi kehendak pemegang taruh bagi melibatkan diri dalam bidang kepakaran industri rel keretapi laju. Pelaksanaan program berkembar bersama universiti luar negara menjadi contoh kepada fakulti lain selain daripada program yang dilaksanakan berfokus kepada pelajar dan sejar dengan keperluan semasa di industri.

Turut menang Perpustakaan yang menerima Anugerah Merit AKNC hasil kejayaan inisiatif kualiti yang dilaksanakan di Perpustakaan misalannya sering menjadi penanda aras dan contoh kepada PTJ lain dan jabatan ini telah menerima Hadiah Persekitaran Berkualiti 5S untuk 5 tahun iaitu pada tahun 2012, 2014, 2015, 2016 dan 2017. Manakala Anugerah ICT (K-Portal) diraih Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) dan Perpustakaan. Anugerah Kecemerlangan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) dimenangi Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dan Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK). Anugerah Penerbitan dimenangi Dr. Sitansu Panda dari Fakulti Pengurusan Industri (FIM) bagi Kategori Buku Karya Asli (Sains Sosial dan Sains Kemanusiaan) dengan tajuk Managing Performance for Excelling Organization.

Anugerah Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) diraih Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Perpustakaan dan Pejabat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSHMO). Anugerah Sukan pula dimenangi Muhammad Syazwan Husin dari Pusat Sukan & Kebudayaan bagi acara Sepak Takraw menang Kategori (Atlet Terbaik Lelaki). Beliau meraih johan Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) 2017 dan mewakili negeri Pahang dengan meraih johan Grand Prix Sepak Takraw Kebangsaan 2017 (Sirkuit 1) dan naib johan Kejohanan Sukan Badan Berkanun (SUKANUN) 2017 dan Grand Prix Sepak Takraw Kebangsaan 2017 (Grand Finale).

[View PDF](#)